

20/07/2004

Hadiah kepada ketua negara asing ikut budi bicara: PM

All reports on "Dewan Rakyat" by Veena Rusli; Norhafzan Jaafar  
KUALA LUMPUR: Kerajaan menetapkan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi dalam pemberian hadiah atau cenderamata kepada pemimpin asing, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, anggota rombongan yang mendapat taraf Tetamu Kerajaan ditetapkan pada kadar RM400 bagi menteri atau timbalan menteri dan RM300 bagi pegawai tertinggi kerajaan.

"Bagaimanapun, tiada kadar tertentu ditetapkan untuk hadiah atau cenderamata kepada ketua negara.

"Hadiah atau cenderamata kepada ketua negara dan ketua kerajaan ditetapkan oleh pihak istana atau Pejabat Perdana Menteri menurut budi bicara sendiri.

"Kelulusan daripada pihak Jemaah Menteri tidak diperlukan dalam konteks ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh) yang meminta penjelasan mengenai kelulusan Kabinet terhadap pemberian kayu balak kepada Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, hadiah kayu binaan yang dihadiahkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Mugabe tidak melanggar garis panduan kerajaan.

"Justeru, kerajaan tidak ada asas untuk mendakwa bekas Perdana Menteri itu atas hadiah kayu binaan yang diberikan kepada Mugabe," katanya.

Abdullah berkata, pemberian hadiah kepada ketua kerajaan atau ketua negara adalah satu kebiasaan dalam hubungan diplomatik antarabangsa.

"Dengan itu, pemberian kayu binaan itu dianggap sebagai hadiah kerajaan Malaysia kepada Mugabe sebagai tanda pengiktirafan dan penghormatan kepada beliau selaku ketua kerajaan Zimbabwe.

Sebelum ini, Mugabe dalam satu temuramah dengan Sky News di United Kingdom mendedahkan sebahagian daripada bahan binaan yang digunakan untuk membina kediamannya dihadiahkan kerajaan Malaysia dan China.

Kayu binaan hadiah kerajaan Malaysia itu dianggarkan berharga RM100,000 yang digunakan untuk menghasilkan panel dinding rumah kediaman yang bernilai RM34 juta.

Dalam jawapan bertulis soalan Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor) pula, Abdullah berkata, kertas siasatan berhubung dakwaan peguam, P Uthayakumar mengenai pembabitian polis dalam dua kejadian jenayah sudah diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk arahan dan tindakan selanjutnya.

Perdana Menteri berkata, polis juga akan membuat permohonan mahkamah bagi memaksa peguam itu tampil membantu siasatan polis.

Katanya, Uthayakumar membuat dua aduan kepada polis, iaitu keretanya dirosakkan pada 27 April 2004 dan diserang sekumpulan lelaki pada 10 Mei 2004 yang mana beliau mengesyaki polis terbabit dalam kedua-dua kejadian itu.

Abdullah berkata, polis sudah menjalankan siasatan terhadap kedua-dua kes dan mendapati tiada saksi melihat kejadian berkenaan.

"Bagaimanapun, polis tidak dapat melengkapkan siasatan kes kerana Uthayakumar enggan datang memberi percakapan walaupun arahan sudah dikeluarkan pada 22 Jun 2004, selari peruntukan Seksyen 111 Kanun Acara Jenayah.

"Sebaliknya, beliau menulis surat kepada pegawai penyiasat melalui peguamnya dan memohon segala laporan polis berkaitan kejadian iaitu hasil siasatan, segala percakapan yang dirakamkan mengikut Seksyen 112 dan 113

Kanun Acara Jenayah serta semua maklumat dan dokumen berkaitan kes ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, Uthayakumar turut memaklumkan tidak akan datang menemui pihak polis pada hari ditetapkan iaitu 24 Jun lalu.

Katanya, tujuan polis memanggil Uthayakumar selaku pengadu kes ialah untuk merakamkan percakapan dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai kejadian, selain mengenal pasti penyerang seperti membuat 'fotofit' dan sebagainya.

(END)